

## UiTM bakal terima 10 peranti satelit Starlink

Julai 24, 2023 @ 3:09am



Menteri Komunikasi dan Digital, Fahmi Fadzil. - FOTO BERNAMA

SHAH ALAM: Universiti Teknologi MARA (UiTM) bakal menerima 10 peranti satelit Starlink di kampus cawangannya, dalam usaha kerajaan mempertingkatkan kualiti perkhidmatan Internet.

Menteri Komunikasi dan Digital, Fahmi Fadzil, berkata berdasarkan penelitian pihaknya, antara cawangan yang berpotensi menerima peranti itu dalam masa terdekat ialah kampus Kuala Pilah di Negeri Sembilan susulan perbincangan bersama Naib Canselor UiTM, Profesor Datuk Dr Roziah Janor.

"Apabila Perdana Menteri (Datuk Seri Anwar Ibrahim) sebut mengenai penyelesaian Internet dengan menggunakan Starlink, saya percaya bagi UiTM, ada beberapa

kampusnya yang mungkin boleh memanfaatkan penggunaan peranti ini, terutama di Kuala Pilah, Perak, Tawau dan Sarawak.

"Saya berharap dalam minggu ini, kita akan menerima sekurang-kurang 10 unit Starlink. Saya akan berbincang dengan Pejabat Perdana Menteri untuk proses penyerahan," katanya kepada pemberita selepas meninjau capaian Internet di UiTM Shah Alam, semalam.

Menerusi catatan dalam laman Facebook pada Khamis lalu, Fahmi memaklumkan bahawa Starlink akan memulakan perkhidmatan menyediakan Internet di institusi pengajian tinggi (IPT) dan sekolah terlebih dahulu, sebagaimana yang diumumkan oleh Anwar sebelum ini.

Pada 15 Julai lalu, Perdana Menteri berkata, kerajaan bercadang menggunakan 40 peranti satelit Starlink di IPT untuk menaik taraf kemudahan capaian Internet agar lebih luas dan pantas di kampus bagi memudahkan proses pembelajaran.

Anwar berkata, perkara itu tercetus hasil persidangan video secara maya dengan Ketua Pegawai Eksekutif SpaceX, Elon Musk, baru-baru ini. – BERNAMA